

21 SEP 1997

Anwar-mata wang

TIADA PERATURAN BARU BAGI URUSNIAGA MATA WANG, KATA ANWAR

Oleh: Azman Ujang

HONG KONG, 21 Sept (Bernama) -- Malaysia tidak akan memperkenalkan undang-undang dan peraturan baru bagi urusan tukaran wang asing di Malaysia, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Memperjelaskan laporan sebuah surat khabar Hong Kong hari ini yang memetik Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai berkata Malaysia akan menghadkan urusan tukaran asing kepada pembiayaan kewangan, Anwar berkata apa yang dimaksudkan oleh Dr Mahathir ialah terdapat keperluan mendesak untuk mengkaji kesan buruk akibat spekulasi berlebihan ke atas ringgit.

"Kami pasti akan menggesa supaya menggunakan forum IMF (Dana Kewangan Antarabangsa). Tetapi untuk apa sekalipun, tidak ada perubahan dari segi urusan mata wang pada masa ini," katanya kepada pemberita selepas pertemuan antara menteri-menteri kewangan Asean dengan rakan sejawatan mereka dari Jepun, Hiroshi Mitsuzuka.

Dr Mahathir dilaporkan berkata demikian dalam satu temuramah dengan Sunday Morning Post.

Beliau berkata Malaysia telah menceburi dan komitted terhadap liberalisasi pasaran dan menambah kata urusan Malaysia dalam mata wang dan rejim pasaran adalah agak liberal.

Pendirian yang diambil Malaysia adalah berkaitan dengan rundingan masa depan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) berhubung sektor perkhidmatan kewangan.

Dalam ucapannya pada mesyuarat Menteri-menteri kewangan Asean dan Eropah di Bangkok awal minggu ini, Anwar mencadangkan IMF memperkenalkan garis panduan bagi memastikan pengawasan berkesan seperti yang terdapat dalam sektor perbankan.

Ditanya sama ada mesyuarat WTO Disember ini akan mencapai persetujuan mengenai liberalisasi pasaran kewangan, beliau berkata ini mungkin berlaku jika usaha dibuat bagi memastikan perlindungan secukupnya terhadap negara-negara membangun terutama selepas krisis pasaran di Thailand dan kesannya kepada rantau ini.

"Saya masih menaruh harapan bagi liberalisasi selanjutnya kerana tidak ada pilihan lain bagi liberalisasi seterusnya," katanya.

Mengenai cadangan penubuhan Dana Asean bagi membantu negara-negara yang menghadapi masalah akibat kejatuhan pasaran mata wang, beliau berkata perkara itu akan dibangkitkan oleh menteri-menteri kewangan rantau ini dengan IMF.

Cadangan itu masih di peringkat awal dan segala butirannya masih dikaji.

Ketika ditanya sama ada kenyataan yang dikatakan dibuat oleh Dr Mahathir dalam temuramah surat khabar itu akan menimbulkan reaksi negatif terhadap pasaran mata wang dan pasaran saham, Anwar berkata "Tidak. Saya telah baca dan saya baru saja menemui beliau satu setengah jam tadi dan saya jelaskan di sini bahawa sebenarnya tidak ada sebarang perubahan dalam urusan mata wang di Malaysia".--BERNAMA

AU oba